

# 21 Okt sebutan lanjut kes lelaki dituduh gagal kemuka kad pengenalan ketika diminta polis

**MIRI:** Mahkamah Majistret menetapkan 21 Oktober depan untuk sebutan lanjut kes seorang lelaki yang dituduh gagal mengemukakan kad pengenalan diri ketika diminta polis untuk tujuan pemeriksaan.

Manakala tertuduh diperintahkan dibebas dengan jaminan RM1,000 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Bong Chee Jan, 54, dari Taman Bayshore, Jalan Pantai di sini telah didakwa

mengikut Peraturan 25 (1) (n) Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tiga tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh sebagai seorang warga negara Malaysia telah dituduh gagal mengemukakan kad pengenalan diri ketika diminta oleh polis berbuat demikian untuk tujuan pemerik-

saan.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 10.30 pagi, 28 September lalu di hadapan sebuah bengkelkenderaan di Jalan Pujut Padang Kerbau di sini.

Tiada pengakuan salah tertuduh direkodkan.

Pendakwaan dilakukan pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Michelle Lim Wan Chen dengan menggunakan aplikasi Zoom.